

NO. SOALAN: 504

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

RUJUKAN : 7684

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah latar belakang Zulkifli Hir @ Marwan, rakyat Malaysia yang dianggap sebagai 'the most wanted terrorist' oleh masyarakat antarabangsa yang terbunuh dalam pertempuran di Filipina.

JAWAPAN:

Zulkifli Hir @ Marwan dilahirkan pada 5 Januari 1966 di Muar, Johor dan telah berkeluarga. Beliau mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik daripada Arizona State University, Amerika Syarikat.

Beliau pernah terlibat dalam Kumpulan Militer Malaysia (KMM) dan Jemaah Islamiah (JI) serta pernah menjalani latihan militan bersama Mujahideen di Afghanistan dan Pakistan dari tahun 1991 sehingga 1994. Beliau juga mendapat latihan dalam *Small Unit Tactics* (SUT), *Artillery* dan *IED Construction* di negara-negara tersebut.

Sebelum melarikan diri ke Filipina, beliau aktif dalam menjalankan agenda sulit KMM di Malaysia yang melibatkan beberapa kes serangan di dalam negara.

Beliau tidak pernah kembali ke Malaysia dan terus menjalankan aktiviti militan di Filipina sehinggalah terbunuh dalam satu pertempuran dengan pihak berkuasa Filipina pada 25 Januari 2015.